

13/04/1997

Umno siasat akaun Wanita

KUALA LUMPUR: Umno akan menyiasat akaun kewangan Pergerakan Wanita parti itu di bawah kepimpinan lalu, kata Presidennya, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, siasatan itu akan dibuat oleh Bendahari Umno dan hasilnya akan dikemukakan kepada Majlis Tertinggi (MT) parti.

"Ada aduan mengenai akaun Pergerakan Wanita dan MT bersetuju diadakan siasatan terhadap akaun ini," kata Dr Mahathir dalam sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat MT, semalam.

Pergerakan Wanita Umno akhir tahun lalu menubuhkan sebuah jawatankuasa khas untuk menyiasat kegiatan Yayasan Dermajaya Wanita yang ditubuhkan pergerakan itu pada 1973.

Ketuanya, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman, berkata barisan Exco Wanita Umno yang baru, mahu mengetahui kedudukan yayasan itu, termasuk dari segi kewangannya.

Menurutnya, melalui siasatan itu, pihaknya dapat memastikan sumber kewangan yayasan itu digunakan sebaik mungkin oleh kira-kira 1.2 juta ahli pergerakan.

Jawatankuasa itu meneliti dokumen dan fail yayasan berkenaan yang ditubuhkan bagi membantu ahli.

Dr Mahathir berkata, MT juga membincangkan mengenai masalah rasuah secara umum dan membuat keputusan bahawa imej parti hendaklah dijaga.

Beliau berkata, Jawatankuasa Pengurusan juga sedang mengkaji semua aduan mengenai politik wang dan akan mengambil tindakan terhadap mereka yang didakwa terbabit.

Mengenai kedudukan lapan anggota Exco dari enam negeri yang sedang disiasat Badan Pencegah Rasuah (BPR), beliau berkata MT tidak membuat sebarang keputusan kerana belum mendapat apa-apa maklumat selain daripada yang dilaporkan oleh media.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Azmi Khalid, Rabu lalu memberitahu Dewan Rakyat BPR sedang menyiasat tiga anggota Exco Kerajaan Negeri Melaka dan masing-masing seorang dari Johor, Kedah, Selangor, Pulau Pinang dan Sabah. Dr Mahathir juga mengumumkan sambutan ulang tahun Umno ke-51 akan diadakan pada 11 Mei di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC).

Sambutan itu akan bermula dengan bacaan doa, upacara menaikkan bendera Umno, ucapan Presiden dan Forum Pemuda manakala pada malamnya diadakan majlis tahlil.

Menurutnya, MT juga bersetuju diadakan Ekspo Pencapaian Ekonomi Bumiputera di PWTC.

Beliau berkata, masalah keahlian bekas Parti Melayu Semangat 46 (S46) sudah diselesaikan.

(END)